



FELCRA SAMARAHAN SDN BHD

(Kilang Kelapa Sawit Samarahan)

POLISI PELUANG KESAMAAN

FELCRA Jaya Samarahan Sdn. Bhd. adalah komited dalam memastikan peluang yang sama diberikan kepada setiap pekerja bagi mengelakkan perbuatan yang menyalahi undang-undang atau diskriminasi yang tidak diinginkan berdasarkan seperti berikut:

- Menganggap dan melayan setiap pekerja dengan adil dan sama tanpa mengira kewarganegaraan, bangsa, jantina, status perkahwinan, umur, keturunan, agama dan kepercayaan politik dalam semua tata kerja termasuk proses pengambilan pekerja.
- Memberi peluang yang sama bagi sesiapa yang mempunyai kemahiran, pengalaman dan sikap yang sesuai untuk memenuhi keperluan pelbagai jawatan dalam kilang kami.
- Memberi peluang yang sama kepada pekerja yang berkaliber untuk mengambil bahagian dalam program pembangunan bagi meluaskan kemahiran dan kecekapan mereka dalam kerja.
- Memastikan persekitaran kerja bebas daripada diskriminasi atau apa jua gangguan diskriminasi.
- Menangani segala aduan dan keluhan secara sama rata dan berlandaskan prosedur yang sewajarnya.
- Melaksanakan amalan pembelian dan memastikan pembekal-pembekal yang menjual produk atau membekalkan perkhidmatan kepada kami adalah turut dilindungi dibawah polisi ini.

Sasaran kami adalah untuk mewujudkan keadaan pekerjaan yang adil tanpa diskriminasi berdasarkan penambahbaikan berterusan dan pendekatan yang sistematik.